



KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 24/2013 (9 Jun hingga 15 Jun 2013)

“Perlaksanaan Ops-Gempur Aedes untuk memerangi Denggi”

Sejak akhir bulan April 2013, terdapat peningkatan berterusan kes, kematian dan wabak denggi bagi Malaysia. Dalam tempoh 3 minggu kebelakangan ini, kes mingguan yang dilaporkan meningkat kepada lebih dari 500 kes seminggu iaitu hampir mencapai tahap kritikal wabak iaitu 600 kes seminggu untuk Malaysia.

Memandangkan situasi ini, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengadakan aktiviti penguatkuasaan diseluruh negara secara besar-besaran bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Dalam aktiviti ini, kompaun maksima iaitu sebanyak RM 500 akan dikenakan kepada pemilik premis yang mempunyai pembiakan Aedes positif, terutama di kawasan wabak tidak terkawal. Di bawah Akta ini, bagi kesalahan yang berulang, seseorang boleh terus diambil tindakan mahkamah, dimana kesalahan pertama akan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Notis pemeriksaan akan dikeluarkan sebelum pemeriksaan dibuat. Sehubungan itu masyarakat diminta membersihkan didalam dan luar persekitaran rumah mereka serta memastikan tiada

pembiakan Aedes, bermula dari sekarang bagi mengelakkan tindakan kompaun dan undang-undang dikenakan terhadap mereka.

Perubahan serotaip di Malaysia mempengaruhi peningkatan kes dan kematian denggi

Analisa KKM menunjukkan terdapat perubahan tren serotaip virus denggi di Malaysia, dimana serotaip DEN-4 yang merupakan serotaip dominan utama sejak bulan Januari hingga Mac, bertukar kepada serotaip DEN-2 bermula April lalu. Perubahan tren ini meningkatkan risiko jangkitan denggi yang serius dan berlakunya komplikasi yang boleh menyebabkan kematian. Pemerhatian KKM, mendapati setiap minggu kematian dilaporkan sejak pertengahan bulan April berbanding tiada kematian dilaporkan dalam tempoh 6 minggu sebelum itu.

Pemantauan Kementerian Kesihatan menunjukkan terdapat 5 lokaliti Wabak Tak Terkawal iaitu empat (4) lokaliti di Selangor iaitu di Seksyen 7E B Shah Alam, Seksyen U2 Pangsapuri Ilham, Seksyen 15 Dataran Automobil, Seksyen 32 Jalan Bukit Kemuning Klang dan satu (1) lokaliti di Tuta Hulubalang, Johor. Pemeriksaan Pembiakan Aedes yang dijalankan di lokaliti-lokaliti tersebut menunjukkan 4 daripada 5 lokaliti ini mempunyai pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 1.6 % hingga 5.7%. (Lampiran B)

Pada minggu lepas sebanyak 575 kes telah dilaporkan iaitu meningkat sebanyak 13 % (66 kes) berbanding 509 kes pada minggu sebelumnya (lampiran A). Dari Januari sehingga 15 Jun 2013, jumlah keseluruhan kes Denggi yang dilaporkan adalah 11,485 kes, berbanding 11,063 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012 iaitu peningkatan

sebanyak 422 kes (3.8%). Dua negeri yang menunjukkan peningkatan berterusan kes dan lokaliti wabak adalah Selangor iaitu meningkat sejak 5 minggu lepas dan Johor telah meningkat sejak 8 minggu lepas. Bagi tempoh yang sama, sejumlah 23 kematian telah dilaporkan tahun ini berbanding dengan 22 kematian pada tahun 2012. Negeri yang mencatatkan kematian tertinggi adalah Johor sebanyak 7 kematian, manakala diikuti dengan WP Kuala Lumpur-Putrajaya dan Selangor, masing-masing dengan 5 kematian.

Satu kematian dilaporkan pada minggu lepas, di Selangor melibatkan seorang pesara berusia 79 tahun yang mempunyai sejarah penyakit kencing manis dan darah tinggi. Pesakit mula mengalami demam, sakit kepala, sakit badan dan muntah bermula pada 2 Jun 2013 dimasukkan ke wad pada 4 Jun. Setelah tiga hari berada di wad keadaan pesakit semakin tenat dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi dan meninggal dunia pada 9 Jun kerana komplikasi *Dengue Shock Syndrome*. Pemeriksaan pembiakan Aedes yang dijalankan di lokasi tempat tinggal pesakit mendapati kadar pembiakan Aedes adalah tinggi iaitu 14.3% dan tidak bersih.

”Perangi Denggi, Masyarakat Dilindungi”.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

20 Jun 2013

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 24/2013
(9 Jun hingga 15 Jun 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 24/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 24/2012
		Minggu 24 (9 – 15 Jun 2013)	Minggu 23 (2 – 8 Jun 2013)		
1	Perlis	15	13	96	89
2	Kedah	15	10	349 (1)	395 (1)
3	P. Pinang	13	13 (1)	304 (1)	402 (1)
4	Perak	25	18	857	752 (2)
5	Selangor	265 (1)	260 (1)	4,999 (5)	5,076 (11)
6	WPKL & Putrajaya	31	22	955 (5)	1,074 (3)
7	N. Sembilan	12	10	265	204 (1)
8	Melaka	10	9 (1)	209 (1)	285
9	Johor	116	92	1,421 (7)	793 (1)
10	Pahang	14	11	248	341 (1)
11	Terengganu	7	9	128	379
12	Kelantan	17	21	596	571
13	Sarawak	24	14	737 (2)	472
14	Sabah	11	7	318 (1)	223 (1)
15	WP Labuan	0	0	3	7
	Jumlah	575 (1)	509 (3)	11,485 (23)	11,063 (22)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI WABAK TIDAK TERKAWAL DILAPORKAN PADA
MINGGU 24 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah/Zon / PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Johor	Pulai	Tuta Hulubalang	3	28	3.1%
2	Selangor	Bukit Raja	Seksyen 15 Dataran Automobil	5	26	0.8%
3	Selangor	Bukit Raja	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	8	31	2.2%
4	Selangor	Bukit Raja	Seksyen 7E B Shah Alam	17	31	5.7%
5	Selangor	Klang	Seksyen 32 Jalan Bukit Kemuning	4	29	1.6%